

MUPICIN OINTMENT

Mupirocin (2% w/w)

Apakah yang ada pada risalah ini

1. Apakah kegunaan Mupicin
2. Bagaimana Mupicin berfungsi
3. Sebelum menggunakan Mupicin
4. Cara menggunakan Mupicin
5. Semasa menggunakan Mupicin
6. Kesan-kesan sampingan
7. Cara penyimpanan dan pelupusan Mupicin
8. Maklumat lanjut
9. Pengilang dan Pemegang Pendaftaran produk
10. Tarikh kemaskini RiMUP

Apakah kegunaan Mupicin

Ia digunakan untuk rawatan pelbagai jenis jangkitan kulit oleh bakteria seperti impetigo (jangkitan bakteria di permukaan kulit), folliculitis (inflamasi folikel rambut) dan furunculosis (luka bernanah di kulit).

Bagaimana Mupicin berfungsi

Mupirocin sejenis antibiotik yang merencat pertumbuhan bakteria. Ia merencat pertumbuhan bakteria pada kepekatan rendah tetapi membunuh bakteria pada kepekatan tinggi. Ia juga mempunyai tindakan ke atas kuman yang degil pada kepekatan yang tinggi.

Sebelum menggunakan Mupicin

- Bila tidak boleh menggunakan

Jika ada alahan terhadap mupirocin atau ramuan lain Mupicin.

- Sebelum menggunakan Mupicin

Jika iritasi berlaku, penggunaan Mupicin dihentikan dan rawatan yang sesuai dimulakan untuk jangkitan tersebut.

Penggunaan lama mungkin menyebabkan pertumbuhan berleluasa kuman lain, termasuk kulat. Minta nasihat doktor jika impetigo (jangkitan bakteria pada permukaan kulit) tidak sembuh.

Berhati-hati jika salap digunakan sekitar kawasan mata supaya tidak terkena mata. Ia perlu diguna dengan berhati-hati jika terdapat masalah buah pinggang dan hati.

- Jika mengambil ubat-ubat lain

Ubat ini adalah untuk kegunaan luar dan biasanya kurang berkesan ke atas ubat-ubat lain. Walaupun demikian, sila beritahu doktor atau ahli farmasi jika sedang mengambil ubat-ubat lain.

Cara menggunakan Mupicin

- Berapa banyak harus digunakan

Sapu kuantiti kecil pada bahagian berkenaan sehingga 3 kali sehari, selama 10 hari. Jika perlu, ia boleh dibalut.

- Bila perlu digunakan

Sentiasa menggunakan Mupicin mengikut arahan doktor anda. Anda perlu semak dengan doktor atau ahli farmasi anda jika tidak pasti.

- Berapa lama perlu digunakan

Anda perlu semak dengan doktor atau ahli farmasi anda.

- Jika terlupa menggunakan

Gunakan sebaik sahaja anda teringat.

- Jika menggunakan berlebihan (terlebih dos)

Jika guna berlebihan, hubungi doktor anda, jabatan kecemasan atau pusat racun dengan segera.
Iritasi mungkin berlaku jika terlebih dos.

Semasa menggunakan Mupicin

- Perkara yang perlu dilakukan

Beritahu doktor ubat yang anda sedang ambil.

- Perkara yang tidak boleh dilakukan

Jangan memberi ubat ini kepada sesiapa walaupun tanda-tanda penyakit mereka serupa, kerana mungkin mendatangkan mudarat.

- Perkara yang perlu diberi perhatian

Jikalau anda hamil, menjadi hamil atau menyusukan anak semasa rawatan, anda tidak patut mengambil Mupicin kecuali dengan arahan doktor. Doktor akan mempertimbangkan manfaat dan risiko rawatan ini.

Kesan-kesan sampingan

Tindak balas topical seperti rasa terbakar, pedih dan kegatalan mungkin berlaku selepas disapu.

Anda boleh melaporkan sebarang kesan sampingan atau kesan advers ubat terus kepada Pusat Pemantauan Kesan Advers Ubat Kebangsaan melalui No. Tel:03-78835550, atau laman web

npra.moh.gov.my (Public → Reporting Medicinal Problems / Side Effects / AEFI / Vaccine Safety).

Cara penyimpanan dan pelupusan Mupicin

- Penyimpanan

Simpan di tempat yang dingin dan kering, di bawah 30°C. Jauhkan daripada cahaya. Jauhkan daripada kanak-kanak.

- Pelupusan

Dapatkan nasihat ahli farmasi cara pelupusan ubat yang tidak diperlukan.

Maklumat lanjut

- Rupa dan warna produk

Salap berwarna putih kekuningan.

- Bahan-bahan kandungan

- Bahan aktif: mupirocin
- Bahan bukan aktif: liquid paraffin, chlorocresol and white soft paraffin

- Nombor MAL:

MAL09051555AZ

Pengilang dan Pemegang pendaftaran keluaran

Prime Pharmaceutical Sdn. Bhd.
1505, Lorong Perusahaan Utama 1
Taman Perindustrian Bukit Tengah
14000 Bukit Mertajam, Pulau Pinang,
Malaysia.

Tarikh kemaskini RiMUP

09/10/2017

Nombor siri

NPRA(R4/1)041017/00262